A

Pendakwa Raya lwn Mohd Fauzi Imbap bin Abdullah

B

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — RAYUAN JENAYAH NO 42–61 TAHUN 2007
SU GEOK YIAM H
27 FEBRUARY 2008

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Hukuman — Tertuduh mengaku salah atas empat pertuduhan di bawah s 377C Kanun Keseksaan — Dua orang mangsa berumur 12 tahun — Tertuduh seorang pegawai kebajikan dan penjaga asrama mangsa — Sama ada hukuman penjara dan sebatan setimpal — Sama ada hukuman bersifat deteren — Sama ada hakim terkhilaf menjatuhkan hukuman penjara secara serentak — Sama ada mangsa mengalami trauma sepanjang hayat — Sama ada hukuman penjara yang panjang diperlukan

D

E

Penentang, seorang pegawai kebajikan dan penjaga kepada pelajar-pelajar di asrama PERKIM telah dituduh dengan empat pertuduhan melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii tanpa kerelaan dengan memasukkan kemaluannya ke dalam dubur dua orang budak lelaki, satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 377C Kanun Keseksaan ('Kanun'). Mangsa berumur 12 tahun semasa kejadian. Penentang telah mengaku salah

F

ke atas semua pertuduhan. Pihak pendakwaan telah memfailkan rayuan ini kerana tidak berpuashati dengan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen yang bijaksana. Pihak pendakwaan telah berhujah bahawa hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila: (1) memberikan hukuman penjara secara serentak walhal mangsa bagi tiga

G

pertuduhan di bawah kes No 62–81 Tahun 2007 ('kes pertama') adalah berbeza daripada mangsa bagi satu pertuduhan di bawah kes No 62–82 Tahun 2007 ('kes kedua'); (2) terlalu menitikberatkan pengakuan salah oleh responden dan kerjasamanya dengan pihak polis sedangkan kesalahan responden amat serius; (3) terlalu melebihkan kepentingan responden

H

daripada kepentingan awam; (4) tidak mengambilkira kekerapan kesalahan seumpama ini berlaku dalam masyarakat; dan (5) gagal menjatuhkan hukuman yang bersifat deteren.

I

Diputuskan, membenarkan sebahagian rayuan pendakwaan:

(1) Hukuman penjara sepuluh tahun dan dua sebatan bagi kes kedua diketepikan dan digantikan dengan hukuman 12 tahun penjara dan tiga sebatan yang berkuatkuasa setelah tamat hukuman penjara

di dalam kes pertama. Hukuman 12 tahun penjara dan dua sebatan bagi pertuduhan pertama, 12 tahun penjara dan satu sebatan bagi pertuduhan kedua serta 12 tahun penjara dan satu sebatan bagi pertuduhan ketiga di dalam kes pertama dikekalkan (lihat perenggan 6–7).

(2) Bagi kes kedua, hakim telah membuat kesilapan dari segi fakta dan undang-undang apabila menjatuhkan hukuman penjara sepuluh tahun dan dua sebatan ke atas penentang dan memerintahkan hukuman penjara berjalan serentak dengan hukuman penjara di dalam kes pertama walhal mangsa dalam kes pertama adalah berbeza daripada mangsa dalam kes kedua. Tambahannya masa kesalahan dalam kes kedua adalah berlainan dengan masa-masa ketiga-tiga kesalahan dalam kes pertama (lihat perenggan 43).

(3) Perbuatan melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii ke atas seseorang yang lain yang berusia muda tanpa kerelaan atau persetujuan orang itu sepertimana di peruntukkan di dalam s 377C Kanun merupakan jenayah yang kejam, keji, terkutuk dan berat. Kedua-dua mangsa berkenaan telah dan akan mengalami trauma akibat perbuatan penentang sepanjang hayat mereka. Ianya menuntut satu hukuman penjara yang panjang agar pesalah dapat dihindarkan dari orang-orang muda seperti mangsa-mangsa dalam rayuan ini untuk tempoh yang lama (lihat perenggan 45–46).

[English summary

The respondent, a welfare officer and student warden at PERKIM hostel was charged with four offences of committing carnal intercourse against the order of nature without consent by inserting his penis into the anus of two boys, an offence punishable under s 377C of the Penal Code ('the Code'). The victims were 12 years old when the offences were committed. The respondent pleaded guilty to all the charges. The prosecution filed this appeal as it was not satisfied with the sentence imposed by the learned sessions court judge. The prosecution contended that the judge erred in fact and law when: (1) ordering a concurrent sentence when the victims for the three charges under the case No 62–81 of 2007 ('first case') were different from the victim in the case No 62–2 of 2007 ('second case'); (2) emphasising too much on the guilty plea of the respondent and his cooperation with the police when the offence committed by the respondent was a very serious one; (3) giving more weight to the interest of the respondent instead of the public interest; (4) failure to take into account the rampancy of this type of offences occurring in the society; and (5) failed to impose a deterrent sentence.

Held, allowing the prosecution's appeal in part:

(1) The sentence of ten years imprisonment and two strokes for the second offence was set aside and replaced with 12 years imprisonment and three strokes to take effect upon the completion of the imprisonment sentence in the first case. The sentence of 12 years imprisonment and two strokes for the first charge, 12 years imprisonment and one stroke for the second charge and 12 years imprisonment and one stroke for the third charge in the first case to be sustained (see paras 6–7).

(2) For the second case, the judge had erred in fact and law when imposing sentence of ten years and two strokes on the respondent and ordered that the sentence of imprisonment to run concurrently with the sentence of imprisonment in the first case when the victim in the first case was different from the victim in the second case. Moreover, the time of the commission of the offence in the second case differed from the time in the three offences in the first case (see para 43).

(3) The act of committing carnal intercourse against the order of nature on someone who is of young age against the will or without the consent of the person as provided for under s 377C of the Code is a cruel, disgraceful, cursed and a heavy offence. Both the victims had and would suffer from trauma arising from the respondent's act throughout their lives. It warranted a long term imprisonment so that the accused would be deterred from the young persons such as the victims in this appeal for a long period of time (see paras 45–46).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai hukuman, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 787–789.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Rahman bin Ibrahim v The PP of Johore [1938] MLJ 219, MR (dirujuk)
Abu Bakar bin Alif v R [1953] MLJ 19, MT (dirujuk)
Bachik bin Abdul Rahman v PP [2004] 2 MLJ 534, MR (dirujuk)
Deputy Public Prosecutor v Isaac Elion [1949] MLJ 160, MT (dirujuk)
Haji Johari bin Haji Abd Karim v PP [1989] 2 MLJ 276, MT (dirujuk)
Leong Ka Kong v PP [1976] 2 MLJ 21, MT (diikut)
Liow Chow & Anor v PP [1939] MLJ 170, MR (dirujuk)
Mohamad Akmar bin Mansor v PP (unreported; 14 December 1992, Criminal Appeal Nos 51–305 of 1992 and 51–306 of 1992), MT (dirujuk)
PP v Lim Swee Guan [1969] 1 MLJ 84, MT (diikut)
PP v Mohamed Nor & Ors [1985] 2 MLJ 200, MA (dirujuk)
PP v Yap Huat Heng [1985] 2 MLJ 414, MT (dirujuk)
R v Ball (1951) 35 Cr App R 164, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan ss 34, 376, 377C, 392, 397
Kanun Prosedur Jenayah s 282(d)

Muhamad Asyraf bin Md Kamal (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Nasihat Undang-Undang Negeri Selangor) bagi pihak perayu.
Responden mewakili diri sendiri.

Su Geok Yiam H:

[1] Rayuan ini melibatkan dua kes yang dibicarakan bersama membabitkan penentang ke atas dua orang mangsa yang berlainan. Kedua-dua kes ini dibicarakan bersama di Mahkamah Sesyen Petaling Jaya di mana penentang telah mengaku salah ke atas empat pertuduhan di bawah s 377C Kanun Keseksaan yang dikemukakan ke atasnya.

[2] Oleh kerana tidak berpuashati dengan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen (HMS) yang bijaksana, pihak pendakwa raya telah memfailkan rayuan ini dan didengar di hadapan saya.

[3] Alasan-alasan rayuan adalah seperti berikut:

(a) Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila telah memberikan hukuman penjara secara serentak walhal mangsa bagi tiga pertuduhan di bawah Kes No 62–81 Tahun 2007 adalah berbeza daripada mangsa bagi satu pertuduhan di bawah Kes No 62–82 Tahun 2007. Oleh yang demikian, adalah wajar hukuman penjara dijalankan secara berasingan.

(b) Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila terlalu menitikberatkan pengakuan salah oleh responden dan sikap bekerjasama responden dengan pihak polis bagi melicinkan penyiasatan kes ini sedangkan kesalahan responden adalah amat serius.

(c) Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila terlalu melebihkan kepentingan responden daripada kepentingan awam.

(d) Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila tidak mengambilkira kekerapan (rampancy) kesalahan seumpama ini berlaku dalam masyarakat.

A (e) Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal menjatuhkan hukuman yang bersifat deteren yang boleh mencegah responden mahupun orang lain dari mengulangi perbuatan yang serupa.

B **[4]** Oleh yang demikian, perayu memohon agar mahkamah mengenepikan keputusan yang telah dibuat itu dan memerintahkan penentang dikenakan hukuman yang lebih berat dan/atau apa-apa perintah lain yang difikirkan wajar dan adil oleh mahkamah yang mulia ini.

C **[5]** Penentang yang hadir sendiri semasa pendengaran rayuan telah meminta supaya hukuman-hukuman yang dijatuhkan ke atasnya dikekalkan kerana beliau telah insaf selepas menjalani empat bulan penjara. Beliau tidak mahu terjebak dalam kesalahan lagi dan sebagai manusia beliau juga telah D melakukan kesilapan.

[6] Setelah mendengar dan mengambilkira hujah-hujah timbalan pendakwa raya ('TPR') yang bijaksana dan juga permintaan penentang, saya telah membenarkan sebahagian daripada rayuan pendakwa raya dan E mengenepikan hukuman penjara sepuluh tahun dan dua sebatan bagi kes 62–82 Tahun 2007 (kes kedua) dan menggantikannya dengan hukuman 12 tahun penjara dan tiga sebatan yang berkuatkuasa setelah tamat hukuman penjara di dalam kes 62–81 Tahun 2007 (kes pertama).

F **[7]** Manakala hukuman 12 tahun penjara dan dua sebatan bagi pertuduhan pertama, hukuman 12 tahun penjara dan satu sebatan bagi pertuduhan kedua serta hukuman 12 tahun penjara dan satu sebatan bagi pertuduhan ketiga di dalam kes pertama dikekalkan.

G **[8]** Penentang telah tidak berpuashati dengan perintah tersebut dan telah memfailkan notis rayuan kepada Mahkamah Rayuan.

[9] Berikut ini adalah sebab-sebab mengapa mahkamah ini telah membuat H perintah tersebut.

[10] Di dalam kes pertama pertuduhan-pertuduhan ke atas perayu adalah seperti berikut:

I Pertuduhan Pertama

> Bahawa kamu pada April 2007 bertempat di dalam bilik No. 29 Jalan SS 21/23 Damansara Utama, Petaling Jaya dalam Daerah Petaling, di dalam Negeri Selangor telah melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii tanpa kerelaan dengan memasukkan kemaluan kamu ke dalam dubur seorang

lelaki bernama Abdul Nizam bin Abdul Karim Boon, Surat Beranak D.00544/95 berusia 12 tahun, oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 377C Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada April 2007 bertempat di bilik No. 29, Jalan SS 21/23 Damansara Utama, Petaling Jaya dalam Daerah Petaling di dalam Negeri Selangor telah melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii tanpa kerelaan dengan memasukkan kemaluan kamu ke dalam dubur seorang lelaki bernama Abdul Nizam Bin Abdul Karim Boon Surat Beranak D.00544/95 berusia 12 tahun, oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 377C Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Ketiga

Bahawa kamu pada 19/5/2007 jam lebih kurang 1230 pagi bertempat di dalam bilik komputer di rumah No. 55 Jalan SS 21/23 Damansara Utama, Petaling Jaya dalam Daerah Petaling di dalam Negeri Selangor telah melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii tanpa kerelaan dengan memasukkan kemaluan kamu ke dalam dubur seorang lelaki bernama Abdul Nizam Bin Abdul Karim Boon Surat Beranak D. 00544/95 berusia 12 tahun, oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 377C Kanun Keseksaan.

[11] Manakala di dalam kes kedua, perayu dituduh seperti berikut:

Pertuduhan

Bahawa kamu pada bulan Mac 2007 bertempat di dalam bilik No. 29 Jalan SS 21/23 Damansara Utama, Petaling Jaya dalam Daerah Petaling, di dalam Negeri Selangor telah melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii tanpa kerelaan dengan memasukkan kemaluan kamu ke dalam dubur seorang lelaki bernama Mohd Fathurahman Haikal Bin Ahmad Mijos, Surat Beranak D.00183/95 berusia 12 tahun, oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 377C Kanun Keseksaan.

FAKTA KES (KES PERTAMA)

[12] Penentang bertugas sebagai pegawai kebajikan dan penjaga kepada pelajar-pelajar di asrama PERKIM di No 29, Jalan SS 21/23, Damansara Utama, Petaling Jaya.

[13] Kejadian berlaku pada bulan April 2007 di mana pada tarikh tersebut, penentang telah menghampiri seorang pelajar lelaki yang pada ketika itu

A berusia 12 tahun yang sedang tidur di asrama tersebut. Pelajar tersebut adalah mangsa di dalam kes ini. Penentang telah membuka seluar mangsa dan telah menyuruh mangsa membuka kangkangnya. Penentang kemudiannya telah memasukkan kemaluannya ke dalam dubur mangsa tanpa kerelaan mangsa.

B **[14]** Kejadian yang sama berulang di dalam bulan sama di mana penentang telah sekali lagi memasukkan kemaluannya ke dalam dubur mangsa tanpa kerelaan mangsa.

C **[15]** Pada 19 Mei 2007 lebih kurang jam 12.30 pagi bertempat di bilik komputer di asrama yang sama, penentang telah meminta mangsa yang sama untuk berdiri. Penentang kemudiannya telah menanggalkan seluar mangsa dan menyuruh mangsa duduk di atas kemaluannya. Seterusnya penentang telah memasukkan kemaluannya ke dalam dubur mangsa tanpa kerelaan mangsa.

D **[16]** Setelah menyedari kejadian yang menimpa mangsa, kakak mangsa telah membuat laporan polis. Hasil pemeriksaan oleh doktor mengesahkan terdapat kesan luka baru pada dubur mangsa.

E **[17]** Penentang telah ditangkap pada 28 Mei 2007.

FAKTA KES (KES KEDUA)

F **[18]** Penentang telah dalam bulan Mac 2007, menghampiri seorang lelaki berumur 12 tahun pada ketika itu sedang tidur di asrama tersebut. Penentang telah membuka seluar mangsa dan ini telah menyebabkan mangsa tersedar. Penentang kemudiannya telah memasukkan kemaluannya ke dalam dubur mangsa tanpa kerelaan mangsa.

G **[19]** Setelah perkara ini terbongkar dan penentang ditangkap, mangsa telah dihantar untuk pemeriksaan doktor. Hasil pemeriksaan doktor telah mengesahkan bahawa terdapat kesan koyakan baru pada dubur mangsa.

H **[20]** Penentang telah ditangkap pada 28 Mei 2007.

ALASAN PENGHAKIMAN HMS YANG BIJAKSANA

I **[21]** Secara ringkasnya di dalam alasan penghakimannya, HMS yang bijaksana telah menyatakan bahawa untuk kes pertama mahkamah berpendapat hukuman penjara 12 tahun bagi setiap pertuduhan yang

berjalan serentak dari tarikh penentang ditangkap dan empat kali sebatan dengan rotan bagi ketiga-tiga pertuduhan itu adalah setimpal dengan perbuatan penentang. Setelah mengambilkira fakta kes dan pengakuan bersalah penentang pada tarikh sebutan pertama penentang dituduh di mahkamah dan bahawa dengan berbuat demikian penentang telah menjimatkan masa mahkamah dan pihak-pihak yang lain yang terlibat di samping menjimatkan kos dan juga faktor-faktor bahawa penentang tidak ada rekod kesalahan lalu, mangsa berumur dua belas 12 tahun semasa kejadian dan bahawa penentang telah menyalahgunakan kedudukannya sebagai penjaga kepada pelajar-pelajar di bawah jagaannya di asrama PERKIM.

SAMA ADA MAHKAMAH INI SEHARUSNYA MENGGANGGU HUKUMAN-HUKUMAN YANG TELAH DIJATUHKAN OLEH HMS YANG BIJAKSANA DI DALAM KES PERTAMA

[22] Undang-undang di atas isu ini adalah jelas. la adalah bahawa mahkamah ini semasa menggunakan bidang kuasa rayuan hendaklah mempertimbangkan sama ada terdapat kekhilafan undang-undang atau hukuman-hukuman tersebut adalah terlalu berat atau tidak mencukupi berdasarkan kepada fakta dan keadaan kes-kes berkenaan yang memerlukan gangguan oleh mahkamah ini. Sesuatu mahkamah rayuan tidak seharusnya mengganggu hukuman-hukuman itu semata-mata kerana individu yang menduduki jawatan hakim di mahkamah yang lebih tinggi berkemungkinan menjatuhkan hukuman yang berlainan kerana mempunyai pendapat peribadi di atas perkara tersebut.

[23] Prinsip ini telah dipakai oleh Gordon-Smith H dalam kes *Deputy Public Prosecutor v Isaac Elion* [1949] MLJ 160.

[24] Dalam kes itu hakim yang bijaksana telah berkata seperti berikut di perenggan keempat di ms 161:

> ... before an appellate court interfered with the sentence of a court below, the appellate court had to be satisfied that the sentence must be shown to be wrong either in law or that it is manifestly excessive or inadequate on the facts and circumstances ... I would ... refer to *Liow Chow & Anor v Public Prosecutor* and *Abdul Rahman v Public Prosecutor* the latter case being approved by the former.

[25] Dalam kes *Abdul Rahman bin Ibrahim v The Public Prosecutor of Johore* [1938] MLJ 219, McElwaine HB (Sabah dan Sarawak) yang memberi

penghakiman Mahkamah Rayuan Jenayah telah memutuskan seperti berikut di perenggan keempat di sebelah kiri di ms 220:

> This court will, in determining appeals, ... reduce or enhance sentences when, having before us all the material which the trial judge had before him, we consider, having regard to all the circumstances of the case, that the sentence imposed is manifestly excessive or inadequate.

[26] Dan di perenggan pertama di sebelah kanan di muka surat yang sama hakim yang bijaksana telah menyatakan seperti berikut:

> Sentence is, subject to the limits imposed by law, a matter of discretion. The Court of Appeal will not lightly interfere with the exercise of discretion but when the statute under which an appeal is brought provides that the appellate court shall, if it thinks that a different sentence should have been passed, quash the sentence and pass some other sentence the occasion may well arise when the power conferred should be exercised.

[27] Dalam kes *Liow Chow & Anor v Public Prosecutor* [1939] MLJ 170 Mahkamah Rayuan Jenayah telah bersetuju dengan prinsip ini yang telah dipakai dalam kes *Abdul Rahman bin Ibrahim v The Public Prosecutor of Johore*.

[28] Timbalan pendakwa raya yang bijaksana dalam kes *Abdul Rahman bin Ibrahim v The Public Prosecutor of Johore* ialah Abdul Hamid.

[29] Mahkamah itu telah memutuskan seperti berikut di perenggan kedua dan ketiga di ms 171:

> In *Abdul Rahman bin Ibrahim v The Public Prosecutor of Johore* [1938] MLJ 219 the Court of Appeal of Johore indicated that an appellate court would reduce or enhance sentences when, having before it all the material which the trial judge had before him, it considers, having regard to all the circumstances of the case, that the sentence imposed was manifestly excessive or inadequate.
>
> The sentence of the court of first instance should not be altered unless the appellate court considers the sentence unjust. An appellate court must reject 'the lore of nicely calculated less or more' in matters of sentence. Before the sentence is altered it must be manifestly wrong, wrong either in the sense of being illegal or of being unsuitable to the proved facts and circumstances.

[30] Prinsip ini juga telah dipakai oleh Abdul Hamid H (ketika itu) dalam kes *Leong Ka Kong v Public Prosecutor* [1976] 2 MLJ 21.

[31] Di ms 22I di sebelah kiri hakim yang bijaksana telah memutuskan seperti berikut: **A**

> Insofar as this court is concerned, in exercise of its appellate jurisdiction, it shall consider whether the sentences of the court below were wrong in law or were they manifestly excessive on the facts and circumstances justifying interference. It is **B** settled law that sentences should not be interfered with by the appellate court merely because the individual presiding in the higher court might, having personal views on the matter, have passed a different sentence.
>
> Our system, as practiced today, has vested the magistrates and presidents with wide discretionary power in the matter of the amount of punishment. Such **C** discretionary power must not, however, be exercised in complete disregard of the facts and circumstances of the case. In point of fact, the discretion must be exercised judicially. Now, in consideration of what I have said, the court should not therefore interfere with the lower court's discretion unless there is apparent on the face of the record a manifest error either in law, or, in considering the facts and **D** circumstances of the case. The nature of the offences committed in particular that which is violent in nature and one that involves the security of life and property, must necessarily be viewed gravely.

E

[32] Dalam kes tersebut perayu telah didakwa dengan empat kesalahan masing-masing, di bawah s 392 Kanun Keseksaan yang dibaca dengan ss 34 dan 397 Kanun yang sama iaitu melakukan samun semasa bersenjatakan sepucuk senjata api ke atas empat orang mangsa yang berlainan di empat tempat yang berlainan dan pada empat masa yang berlainan. **F**

[33] Setelah disabit, presiden yang bijaksana telah menjatuhkan ke atas perayu hukuman penjara tujuh tahun untuk setiap pertuduhan dan tiga sebatan dan memerintahkan hukuman-hukuman penjara tersebut berjalan berturut-turut. **G**

[34] Perayu telah tidak berpuashati dengan hukuman-hukuman tersebut dan telah merayu kepada Mahkamah Tinggi terhadap hukuman-hukuman itu. Namun demikian rayuannya telah ditolak oleh Abdul Hamid H. **H**

[35] Alasannya ialah berdasarkan fakta dan keadaan kes tersebut, hakim yang bijaksana tidak boleh menyatakan berkenaan perintah presiden itu, bahawa hukuman-hukuman itu hendaklah berjalan secara berturut-turut adalah merupakan satu kesilapan undang-undang yang jelas atau keempat-empat hukuman itu adalah terlalu berat. **I**

[36] Di ms 22A–C di sebelah kanan hakim yang bijaksana telah menyatakan seperti berikut:

A Robbery, especially one in the commission of which deadly weapon or weapons are used is a crime which not only involves disastrous consequences to others but afford evidence of the odious qualities of the person who commits it. Crimes involving great moral atrocity as well as great public mischief should be met with deterrent sentences.

B In the instant case, the learned president quite rightly considered not only the nature and gravity of the offences committed by the appellant but also the facts and circumstances surrounding the case. The learned president, also considered what is common knowledge namely the fact that there has been an increase of crime in Kuala Lumpur.

C On the facts, I am unable to say that, by ordering the imprisonment sentences to run consecutively, there is a manifest error of law or that the sentences were, in the circumstances, manifestly excessive.

For these reasons, I hereby dismiss the appeal.

D

[37] Pada pendapat saya walaupun jenis kesalahan dalam kes itu ialah samun dengan bersenjatakan senjata api, prinsip yang terpakai dalam kes itu juga adalah terpakai di dalam rayuan ini.

E **[38]** Prinsip yang sama telah sekali lagi dipakai oleh Abdul Hamid HB (Malaya) (ketika itu) semasa memberi penghakiman Mahkamah Agung di dalam kes *Public Prosecutor v Mohamed Nor & Ors* [1985] 2 MLJ 200.

[39] Di ms 202G–H di sebelah kiri hakim yang bijaksana telah
F menyatakan seperti berikut:

In this regard we would observe that it is the established principle that an appellate court should be slow to interfere or disturb with a sentence passed by the court below unless it is manifestly wrong in the sense of being illegal or of being
G unsuitable to the proved facts and circumstances. And the mere fact that another court might pass a different sentence provides no reason for the appellate court to interfere if the court below applies the correct principles in the assessment of the sentence.

H **[40]** Bagi kes pertama sekiranya penentang tidak mengaku salah mahkamah ini akan menjatuhkan hukuman penjara 16 tahun dan empat sebatan ke atas penentang untuk setiap kesalahan. Memandangkan penentang telah mengaku salah maka mahkamah ini akan memberi 1/4 diskaun dan menjatuhkan ke atasnya hukuman penjara 12 tahun dan tiga
I sebatan.

[41] Oleh itu mahkamah ini berpuashati bahawa HMS yang bijaksana telah tidak melakukan sebarang kesilapan dan telah mengambilkira semua fakta dan keadaan di dalam kes pertama serta memakai prinsip-prinsip

penghukuman yang betul semasa menjatuhkan hukuman-hukuman tersebut ke atas penentang untuk tiga pertuduhan di dalam kes pertama.

[42] Maka mahkamah ini telah mengekalkan hukuman-hukuman tersebut.

SAMA ADA MAHKAMAH INI SEHARUSNYA MENGGANGGU HUKUMAN YANG TELAH DIJATUHKAN OLEH HMS YANG BIJAKSANA DI DALAM KES KEDUA

[43] Bagi kes kedua, mahkamah ini berpuashati bahawa HMS yang bijaksana telah membuat kesilapan dari segi fakta dan undang-undang apabila telah menjatuhkan hukuman penjara sepuluh tahun dan dua sebatan ke atas penentang dan memerintahkan hukuman penjara berjalan serentak dengan hukuman penjara di dalam kes pertama walhal di dalam kes pertama hukuman penjara yang telah dijatuhkan ialah 12 tahun bagi setiap kesalahan dan juga dua sebatan untuk kesalahan pertama dan satu sebatan, masing-masing, untuk kesalahan kedua dan ketiga, dan juga mangsa bagi tiga pertuduhan dalam kes pertama adalah berbeza daripada mangsa bagi satu pertuduhan di dalam kes kedua.

[44] Tambahannya masa kesalahan dalam kes kedua dilakukan oleh penentang ke atas mangsa yang berkenaan adalah berlainan dengan masa-masa ketiga-tiga kesalahan dalam kes pertama dilakukan oleh penentang ke atas mangsa yang berkenaan.

[45] Perbuatan melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii ke atas seseorang yang lain yang berusia muda tanpa kerelaan atau persetujuan orang itu sepertimana diperuntukkan di dalam s 377C Kanun Keseksaan merupakan jenayah yang kejam, keji, terkutuk dan berat. Di dalam rayuan ini penentang telah melakukan kesalahan tersebut ke atas dua orang mangsa yang berlainan yang berusia muda tanpa kerelaan mereka. Sudah tentunya kedua-dua mangsa berkenaan telah dan akan mengalami trauma akibat perbuatan penentang sepanjang hayat mereka.

[46] Atas asas ini, ianya menuntut satu hukuman penjara yang panjang agar pesalah dapat dihindarkan dari orang-orang muda seperti mangsa-mangsa dalam rayuan ini untuk satu tempoh yang lama. Hukuman penjara ini adalah perlu atas beberapa sebab dan alasan tertentu. Pertamanya ialah bagi mencapai kepentingan awam sekiranya sesuatu hukuman yang dijatuhkan itu dapat mencegah penentang dan juga orang-orang yang lain supaya tidak melakukan kesalahan yang serupa dan juga mendorong penentang supaya menjadi seorang yang baik.

[47] Dalam kes *Abu Bakar bin Alif v R* [1953] MLJ 19, terdapat rayuan daripada perayu terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh majistret yang bijaksana. Spencer Wilkinson H telah merujuk kepada kes *R v Ball* (1951) 35 Cr App R 164 di mana Mahkamah Rayuan Jenayah telah menyatakan semula prinsip-prinsip yang hendaklah memberi panduan kepada sesuatu mahkamah rayuan dalam mempertimbangkan hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah bawah. Hakim yang bijaksana telah menyatakan seperti berikut di perenggan kedua dan ketiga di sebelah kanan di ms 19 sehingga di sebelah kiri di ms 20:

> In the case of *Rex v Ball* the Court of Criminal Appeal restated the principles which should guide an appellate court in considering the sentence passed by the court below. 'In the first place', the judgment reads, 'the court does not alter a sentence which is the subject of an appeal merely because the members of the court might have passed a different sentence. The trial judge has seen the prisoner and heard his history and any witnesses to character he may have chosen to call. It is only when a sentence appears to err in principle that this court will alter it. If a sentence is excessive or inadequate to such an extent as to satisfy this court that when it was passed there was a failure to apply the right principles, then this court will intervene'. In my opinion these remarks apply with equal force to appeals to the High Court from the subordinate courts ...
>
> ... The principles of punishment set out in the judgment in that case are so important that I think it right to quote further from that judgment at some length. The judgment proceeds as follows:
>
> > In deciding the appropriate sentence a court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest. The criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it. A proper sentence, passed in public, serves the public interest in two ways. It may deter others who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the supposition, that if the offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible. Such a sentence may also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest life. The public interest is indeed served, and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living. Our law does not, therefore, fix the sentence for a particular crime, but fixes a maximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular circumstances of each case. Not only in regard to each crime, but in regard to each criminal, the court has the right and the duty to decide whether to be lenient or severe.
> >
> > It is for these reasons, and with these purposes in view, that before passing sentence the court hears evidence of the antecedents and character of every convicted person. It follows that when two persons are convicted together of a crime or series of crimes in which they have been acting in concert, it may be right, and very often is right, to discriminate between the two and to be lenient to the one and not to the other. The background, antecedents and

character of the one and his whole bearing in court my indicate a chance of reform if leniency is extended, whereas it may seem that only a harsh lesson is likely to make the other stop in his criminal career.

[48] Keduanya ialah jenis dan keberatan kesalahan yang dilakukan oleh penentang dan juga kekerapan kesalahan itu dilakukan oleh penentang. Sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh penentang melibatkan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii ke atas dua orang mangsa muda yang berlainan tanpa kerelaan atau persetujuan mereka. Kesalahan-kesalahan itu juga merupakan kesalahan yang berat kerana Parlimen telah memperuntukkan hukuman maksimum 20 tahun penjara dan juga boleh dikenakan sebatan dan hukuman minimum lima tahun penjara dan juga boleh dikenakan sebatan bagi setiap kesalahan. Kesemuanya penentang di dalam rayuan ini telah melakukan empat kesalahan yang serupa jenis dan berat ke atas dua orang mangsa yang berlainan yang berumur muda.

[49] Ketiganya ialah terdapat dua faktor yang memberatkan hukuman sepertimana terdapat di dalam kedua-dua kes di dalam rayuan ini kerana penentang merupakan pegawai kebajikan di asrama PERKIM dan kedua-dua mangsa berkenaan adalah berusia muda. Penentang telah diamanahkan untuk menjaga pelajar-pelajar yang termasuk kedua-dua orang mangsa berkenaan yang ditempatkan di asrama tersebut. Beliau sepatutnya melindungi kedua-dua mangsa berkenaan. Sebaliknya penentang telah menyalahgunakan kuasa dan tanggungjawabnya serta memungkiri kepercayaan yang ada pada jawatannya untuk memperlakukan perbuatan sedemikian ke atas mangsa-mangsa di dalam kedua-dua kes di dalam rayuan ini.

[50] Sesuatu hukuman yang dijatuhkan itu adalah untuk menunjukkan tahap kebencian masyarakat yang amat sangat terhadap kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh penentang. Ini dengan sendirinya menyebarkan mesej kepada masyarakat sekeliling bahawa mahkamah memandang serius kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh penentang dalam kedua-dua kes di dalam rayuan ini.

[51] Alasan yang tidak kurang penting adalah untuk melindungi kanak-kanak agar tidak berterusan menjadi alat atau tempat pesalah memuaskan nafsunya melalui cara yang ternyata bukan sahaja terkutuk malahan dipandang kejam dan keji oleh masyarakat. Mahkamah ini berpendapat penentang perlu diberi satu pengajaran yang kejam supaya penentang akan berhenti daripada melakukan kesalahan yang serupa di masa hadapan walaupun penentang merupakan pesalah pertama.

[52] Fakta bahawa tarikh kesalahan di dalam kes kedua dilakukan oleh penentang adalah lebih awal dari segi masa dari tarikh-tarikh kesalahan-kesalahan di dalam kes pertama dilakukan oleh penentang tidak seharusnya menghalang HMS yang bijaksana daripada menjatuhkan hukuman penjara untuk tempoh yang serupa bagi kes pertama dan sebatan yang lebih kerana penentang telah disabit dengan satu kesalahan dalam kes kedua selepas disabit dengan tiga kesalahan dalam kes pertama. Alasannya ialah kerana sesuatu perbuatan hanya membentuk satu kesalahan selepas penentang disabit. Oleh itu tarikh sabitan adalah tarikh yang seharusnya diambil kira oleh HMS yang bijaksana semasa menjatuhkan hukuman ke atas penentang untuk kesalahan di dalam kes kedua di dalam rayuan ini.

[53] Dalam kes di hadapan mahkamah ini, mahkamah ini bersetuju dengan penghujahan TPR yang bijaksana bahawa HMS yang bijaksana telah membuat kesilapan apabila terlalu melebihkan kepentingan penentang daripada kepentingan awam.

[54] HMS yang bijaksana langsung tidak mengambilkira fakta bahawa mangsa dalam kes kedua adalah berlainan daripada mangsa dalam kes pertama. Adalah jelas daripada fakta kes ini dan juga undang-undang bahawa kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh penentang ke atas mangsa dalam kes pertama adalah kesalahan yang berlainan dan berbeza daripada kesalahan yang dilakukan oleh penentang ke atas mangsa dalam kes kedua walaupun jenis keempat-empat kesalahan adalah sama. Oleh itu perintah HMS yang bijaksana bahawa tiga hukuman penjara dalam kes pertama hendaklah berjalan serentak dengan satu hukuman penjara dalam kes kedua adalah dengan jelasnya satu kesilapan undang-undang.

[55] Dalam kes *Public Prosecutor v Lim Swee Guan* [1969] 1 MLJ 84, timbalan pendakwa raya telah merayu ke Mahkamah Tinggi terhadap hukuman-hukuman yang telah dijatuhkan oleh presiden mahkamah sesyen yang bijaksana ke atas responden. Responden telah mengaku salah terhadap tiga pertuduhan untuk pecah amanah jenayah wang yang kesemuanya berjumlah RM165,000 kepunyaan sebuah bank, United Malayan Banking Corporation, di mana responden ialah ketua pemegang wang. Hukuman-hukuman yang telah dijatuhkan oleh presiden yang bijaksana ke atas responden ialah satu tahun penjara bagi setiap pertuduhan dan ketiga-ketiga hukuman penjara itu berjalan serentak.

[56] Ong Hock Sim H telah membenarkan rayuan TPR atas alasan bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh presiden yang bijaksana adalah terlalu tidak mencukupi. Hakim yang bijaksana telah mengenepikan hukuman-hukuman

itu dan menggantikannya dengan hukuman penjara satu setengah (1½) tahun bagi setiap pertuduhan dan memerintahkan ketiga-tiga hukuman itu berjalan berturut-turut. A

[57] Hakim yang bijaksana telah menyatakan seperti berikut di ms 84H–I di sebelah kanan sehingga ms 85A–F di sebelah kiri: B

> The principles which govern appeals against sentence are too familiar but could bear repeating and I therefore quote the words of Hilbery J in the case of *R v Ball*:
>
> > It appears to us appropriate that we should restate the principles which must guide a court in deciding what is the right sentence to pass on a prisoner. In the first place, this court does not alter a sentence which is the subject of an appeal merely because the members of the court might have passed a different sentence. C
> >
> > The trial judge has seen the prisoner and heard his history and any witnesses to character he may have chosen to call. It is only when a sentence appears to err in principle that this court will alter it. If a sentence is excessive or inadequate to such an extent as to satisfy this court that when it was passed there was a failure to apply the right principles, then this court will intervene. D
> >
> > In deciding the appropriate sentence a court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest. The criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it. A proper sentence, passed in public, serves the public interest in two ways. It may deter others who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the supposition, that if the offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible. Such a sentence may also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest life. The public interest is indeed served, and best served if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living. Our law does not, therefore, fix the sentence for a particular crime, but fixes a maximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular circumstances of each case. Not only in regard to each crime, but in regard to each criminal, the court has the right and the duty to decide whether to be lenient or severe. E F G
>
> Section 310 of the Criminal Procedure Code (Cap 21) reads: H
>
> > At the hearing of the appeal the court may, if it considers there is no sufficient ground for interfering, dismiss the appeal or may —
> >
> > (c) in an appeal as to sentence, reduce or enhance the sentence, or alter the nature of the sentence; I

The grounds of appeal were based on the failure of the learned president to have regard to the public interest and the seriousness of the offence and it is contended also that the sentences of one year to run concurrently is inappropriate. In the

words of s 302 of the Criminal Procedure Code (Cap 21) as amended by s 2 of Ordinance 40 of 1950 the last ground should allege 'on the ground of the inadequacy of the sentence'.

[58] Hakim yang bijaksana juga telah menyatakan di ms 85A di sebelah kanan seperti berikut:

> In mitigation, it was pleaded that accused was a first offender ...

di ms 85D–E di sebelah kanan seperti berikut:

> The duty of this court is also to decide whether in passing sentences the learned president had acted upon the correct principles.

di ms 86E di sebelah kiri seperti berikut:

> The question of this being the first offence ought not to enter into a consideration of sentence. This is not the type of offence that the respondent would be allowed to commit over and over again.

di ms 86B di sebelah kanan seperti berikut:

> ... There is no mitigating factor.

dan akhirnya di ms 86D–E di sebelah kanan seperti berikut:

> I therefore consider the sentences passed by the learned president as wholly inadequate. I sentence him in the first case Pg 112/68 to a term of 1½ years on the first charge, 1½ years on the second charge to run consecutively. In case Pg 116/68, I vary the sentence of one year to a similar one of 1½ years to run consecutively to the sentences in case Pg 112/68. That will be a total of 4½ years imprisonment ...

[59] Pada pendapat saya prinsip yang dipakai oleh hakim yang bijaksana dalam kes itu juga terpakai dalam rayuan ini walaupun jenis kesalahan dalam kes itu ialah pecah amanah jenayah oleh seorang pemegang wang. Alasannya ialah dalam kes itu dan di dalam rayuan ini tidak terdapat sebarang faktor mitigasi dan memandangkan keberatan dan jenis kesalahan di dalam kes itu dan di dalam rayuan ini, penentang tidak boleh dibenarkan berulang kali melakukan kesalahan yang serupa.

[60] Oleh itu satu hukuman yang deteren seharusnya dijatuhkan ke atasnya untuk kes kedua dalam rayuan ini untuk mencegah penentang daripada berbuat demikian.

[61] Dalam kes *Public Prosecutor v Yap Huat Heng* [1985] 2 MLJ 414 penentang dengan empat orang lelaki telah, inter alia, dituduh atas dua pertuduhan merogol dua orang mangsa yang berlainan yang berumur 17 tahun dan 13 tahun, masing-masing. Penentang telah mengaku salah dan presiden yang bijaksana telah menjatuhkan ke atasnya hukuman penjara tiga tahun bagi setiap pertuduhan serta memerintahkan kedua-dua hukuman penjara itu berjalan serentak.

[62] Atas rayuan pendakwa raya ke Mahkamah Tinggi, Shaikh Daud H (ketika itu) telah membenarkan rayuan itu. Dalam penghakimannya hakim yang bijaksana telah menyatakan seperti berikut di ms 416F–I:

> In the present case the respondent had been convicted of committing two distinct offences of rape of two separate persons and in the light of that a sentence of three years on each charge to be made concurrent is wrong in law.
>
> I would therefore allow the appeal and enhance the sentence as follows:
>
> > On the first charge respondent is sentenced to imprisonment for a period of five years plus three strokes of the rotan and on the second charge to eight years plus three strokes of the rotan. Both these sentences are to run consecutively. As for the third and fourth charges, respondent is sentenced to five years on each charge and this sentence is to run concurrently with the sentences on the first and second charges.

[63] Dalam kes *Haji Johari bin Haji Abd Karim v Public Prosecutor* [1989] 2 MLJ 276, perayu telah disabit di atas dua pertuduhan di bawah Akta Pencegahan Rasuah. Perayu telah dikenakan hukuman sembilan bulan penjara untuk setiap pertuduhan dan kedua-dua hukuman itu hendaklah berjalan berturut-turut. Rayuannya ke Mahkamah Tinggi telah ditolak oleh Roberts CJ. Atas isu sama ada kedua-dua hukuman itu hendaklah berjalan serentak atau berturut-turut hakim yang bijaksana telah menyatakan seperti berikut:

> In the case to which I have referred, I suggested that I would have imposed a total sentence of 18 months, which is the total sentence imposed by the magistrate in this case. The only question which remains is whether these two sentences ought to be concurrent or consecutive.
>
> The charges of which the defendant was convicted were separated by a period of more than three weeks. Each charge involved a separate person and an entirely separate boat trip from Bandar Seri Begawan to Labuan. I regard each of these charges as a separate and distinct offence for which, in accordance with the principles set out in *Hamid bin Ibrahim*, consecutive sentences should be imposed.

[64] Dalam kes *Mohamad Akmar bin Mansor v Public Prosecutor* (unreported; 14 December 1992, Criminal Appeal Nos 51–305 of 1992 and 51–306 of 1992) Mahkamah Tinggi Taiping, perayu telah disabit dan dihukum penjara tiga tahun oleh majistret yang bijaksana bagi dua kesalahan '*lurking house trespass by night*'. Atas isu sama ada hukuman penjara hendaklah berjalan serentak atau berturut-turut dan isu sama ada kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh membentuk atau merupakan transaksi yang sama atau adalah kesalahan-kesalahan yang berlainan, Abdul Malik Ishak PK (ketika itu) telah memutuskan seperti berikut sepertimana dilaporkan dalam perenggan 2295, di ms 485, *Mallal's Digest of Malaysian and Singapore Case Law 1808 to 1988* (4th Ed, 1994 Reissue) Vol 5, Criminal Procedure:

Held, dismissing the appeals:

(1) The courts have a choice to decide whether to order prison sentences to run concurrently or consecutively. Whichever is the choice of the court, it must be made clear.

(2) The circumstances of each case, particularly the nature of the offences and the need to serve public interest, should be borne in mind when deciding whether to order concurrent or consecutive prison sentences.

(3) The courts have referred to common law and agreed that where several offences are committed in the same transaction and are tried together, the sentences imposed for those offences should be made concurrent. Where however two or more distinct offences had been committed, sentences of imprisonment should not be made to run concurrently. In cases where distinct offences had been committed, sentences of imprisonment should only be made concurrent when an offender has been convicted of a principal and a subsidiary offence.

(4) The 'same transaction' principle is applied by using four tests namely proximity of time, unity or proximity of place, continuity of action and continuity of purpose or design.

(5) In respect of the second and third cases, there were proximity of time, unity or proximity of place, continuity of action and continuity of purpose or design. The second and third cases were therefore not distinct offences but were cases which formed the same transaction.

(6) Accordingly the imprisonment sentence for the second case would run concurrently with the imprisonment sentence for the third case.

(7) Since the appellant did not lodge an appeal in the first case, no order would be made regarding that case.

[65] Dalam kes *Bachik bin Abdul Rahman v Public Prosecutor* [2004] 2 MLJ 534, tertuduh telah dituduh di mahkamah sesyen kerana merogol seorang budak berumur 11 tahun pada 19 September 2001, satu kesalahan di bawah s 376 Kanun Keseksaan. Beliau telah mengaku salah dan telah dijatuhkan hukuman 18 tahun penjara dan 12 sebatan rotan. Hukuman tersebut diperintahkan berkuatkuasa berturut-turut dengan satu lagi tempoh pemenjaraan 16 tahun yang tertuduh sedang jalani, untuk satu kesalahan yang dilakukan pada 14 Oktober 2001. Tertuduh telah memohon kepada mahkamah sesyen untuk satu perintah bahawa hukuman semasa dijalani bersama dengan hukuman terdahulu. Dalam rayuan ke Mahkamah Tinggi, tempoh pemenjaraan telah dikurangkan kepada 15 tahun dan tarikh berkuatkuasa hukuman itu dikekalkan iaitu berturut-turut.

[66] Tertuduh telah tidak berpuashati dengan perintah Mahkamah Tinggi dan telah merayu ke Mahkamah Rayuan.

[67] Walau bagaimanapun rayuannya telah ditolak oleh Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan telah, inter alia, merujuk kepada s 282(d) Kanun Prosedur Jenayah dan memutuskan bahawa penggunaan budi bicara untuk menentukan tarikh bermulanya suatu hukuman penjara bergantung kepada fakta-fakta dan keadaan setiap kes. Dalam memutuskan sama ada terma-terma pemenjaraan hendaklah berjalan berturut-turut atau bermula pada tarikh lain mahkamah patut dipandu oleh satu rukun transaksi dan prinsip menyeluruh.

[68] Di ms 538 Augustine Paul HMR semasa memberi penghakiman Mahkamah Rayuan telah menyatakan seperti berikut di perenggan 5:

> Section 282(d) prescribes the general rule that a sentence of imprisonment shall take effect from the date on which it was passed unless the court passing the sentence otherwise directs ...

seperti berikut di ms 539 dan 540 di perenggan 7, 8, 9, 10 dan 11:

> [7] ... The exercise of the discretion to determine the date of commencement of the sentence of imprisonment is dependent on the facts and circumstances of each case. In deciding whether the terms of imprisonment should be consecutive or commence at another date, the court will be guided by the one transaction rule and the totality principle, pursuant to the one transaction rule where two or more offences are committed in the course of a single transaction, all sentences in respect of these offences should be concurrent rather than *consecutive* (see *R v Saleem* (1964) Crim LR 482; *R v Walsh* (1965) Crim LR 248). For there to be one transaction four elements must be present, that is to say, proximity of time, proximity of place,

continuity of action and continuity of purpose or design (see *Jeyaraman & Ors v Public Prosecutor* [1979] 2 MLJ 88; *Amrita Lal Hazra v Emperor* 42 Cal 957; *Chin Choy v Public Prosecutor* [1955] 1 MLJ 236). The rule, however, is not absolute. As Yong Pung How CJ said in *Kanagasuntharam v Public Prosecutor* [1992] 1 SLR 81 at p 83:

> The English courts have recognised that there are situations where consecutive sentences are necessary to discourage the type of criminal conduct being punished; see *R v Faulkner* (1972) 56 Cr App R 594; *R v Wheatley* (1983) 5 Cr App R (S) 417; *R v Skinner* (1986) 8 Cr App R (S) 166. The applicability of the exception is said to depend on the facts of the case and the circumstances of the offence. It is stated in broad and general terms and although it may be criticised as vague, it is necessarily in such terms in order that the sentencer may impose an appropriate sentence in each particular case upon each particular offender at the particular time the case is heard.

[8] In explaining the totality principle, His Lordship referred (at p 85) to the view of DA Thomas in *Principles of Sentencing* (2nd Ed) at pp 57–58:

> The many decisions of the court in which the totality principle has been applied to explain the reduction of a cumulative sentence made up of correctly calculated individual parts suggest that the principle has two limbs. A cumulative sentence may offend the totality principle if the aggregate sentence is substantially above the normal level of sentences for the most serious of the individual offences involved, or if its effect is to impose on the offender 'a crushing sentence' not in keeping with his records and prospects.

[9] In this regard, reference is also made to *Emmins on Sentencing* (2nd Ed) at p 151:

> It is well established that sentences must have regard to the total length of sentence passed, particularly where *consecutive* sentences have been imposed, to ensure that the sentence properly reflects the overall seriousness of the behaviour.

[10] There will be cases properly described as crushing the hope in the offender of reformation and a return to a desirable life but in which the offender has, by his criminal acts, forfeited any right to have his sentence reduced on that account (see *Crowley and Garner v R* (1991) 55 A Crim R 201). As O'Bryan J said in *R v Vaitos* (1981) 4 A Crim R 238 at p 301:

> I have some difficulty appreciating the concept that a richly deserved sentence, not manifestly excessive, should be disturbed because the person upon whom the sentence is imposed may feel crushed by it. It is quite true

that the applicant has to face a very long term of imprisonment before he will be released and because he is a comparatively young man, many of the best years of his life will be spent in custody. However, from the community point of view, his detention for a very substantial period is necessary to protect females from his criminal behaviour.

[11] Yong CJ said in that case that the question of whether the sentence imposed is crushing cannot be answered mathematically by reference to the offender's age and the length of sentence to be served but by the circumstances of the case.

dan hakim Mahkamah Rayuan yang bijaksana telah memetik dari ms 10–11, alasan penghakiman hakim Mahkamah Tinggi seperti berikut:

Rape is a heinous crime which must be severely punished. And in the case of both rapes committed by the appellant, they were most primordial. The appellant was just a savage. In both cases, he just snatched young and defenceless girls from the streets and raped them. The trial court was not wrong to say that the appellant was a real threat to the public, and to young girls in particular. The public must be protected. There was certainly good and justifiable reason to order a consecutive sentence. In any event, both offences were unrelated. A concurrent term of imprisonment would effectively result in the appellant not being imprisoned at all for the second offence. And that would not do any justice to the instant victim who would surely have to bear forever the ugly memory of rape, if not any of the undeserved stigma of rape. Each rape must be punished. This is certainly not a case to disturb the order of a consecutive sentence.

Hakim Mahkamah Rayuan yang bijaksana telah menyatakan seperti berikut di muka surat yang sama di perenggan 14:

[14] It must be remembered that both the offences were executed in the same manner and are of the same severity and are unrelated. It cannot be denied that the cumulative effect of both the sentences will have a crushing effect on the accused bearing in mind his age. But this effect must be balanced against the seriousness of the offences committed by him and the need to protect young females from him. The order made by the High Court in upholding the direction of the sessions court on the commencement of the jail term imposed in this case is therefore correct in law and we are unable to interfere.

dan akhirnya di ms 543, di perenggan 19, hakim Mahkamah Rayuan yang bijaksana telah menyatakan seperti berikut:

[19] ... The relevant part of the judgment of the learned sessions court judge that we have reproduced earlier makes it patently clear that in imposing sentence he had taken into consideration the seriousness of the offence against the background of the physical weakness and age of the victim;

A the element of public interest to be served; the effect of the crime on the victim; the previous sentence being served by the accused; and the need to protect society from persons like him. We interpolate to add that the sentence that the accused was then serving in respect of a conviction for an offence committed subsequent to the current offence and convicted earlier will rank as a previous conviction. In this regard, we refer to *Sim Yeow Seng v Public Prosecutor* [1995] 3 SLR 44 where Yong Pung How CJ sitting in the High Court said at p 47:

> The rationale of *Public Prosecutor v Boon Kiah Kin* [1993] 3 SLR 639 and, indeed, Lowe J's judgment in *R v Wilson* [1965] VLR 199 is that a sentencing court should have regard to all of the accused's antecedents up to the moment of sentencing because these antecedents reveal his character, his attitudes and the likelihood of rehabilitation. So long as previous convictions are shown to exist, therefore, it does not matter whether they were in respect of offences committed before or subsequent to the offence for which the court is considering sentence.

[69] Penentang dalam rayuan ini berumur 27 tahun ketika disabit dan dihukum oleh HMS yang bijaksana. Mahkamah ini sedar bahawa hukuman penjara yang dijatuhkan ke atas penentang bagi kes kedua iaitu 12 tahun penjara serta perintah mahkamah ini bahawa hukuman itu hendaklah berkuatkuasa berturut-turut iaitu selepas penentang telah menjalani hukuman penjara 12 tahun bagi kes pertama menjadikannya 24 tahun secara keseluruhannya akan mendatangkan kesan yang meranapkan kepada penentang. Akan tetapi selepas mengambilkira kesan itu kepada penentang dan mengimbangkannya kepada betapa serius kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh penentang serta kekerapan kesalahan-kesalahan itu dilakukan dan keperluan untuk melindung budak-budak lelaki daripada penentang, mahkamah ini berpendapat bahawa kepentingan awam menuntut bahawa hukuman 12 tahun penjara dan dua sebatan bagi pertuduhan pertama, hukuman 12 tahun penjara dan satu sebatan bagi pertuduhan kedua serta hukuman 12 tahun penjara dan satu sebatan untuk pertuduhan ketiga di dalam kes pertama adalah wajar dan bahawa hukuman 12 tahun penjara dan tiga sebatan untuk satu kesalahan di dalam kes kedua adalah wajar dan bahawa penentang hendaklah menjalani hukuman 12 tahun penjara dan tiga sebatan untuk kes kedua selepas menjalani tiga hukuman pemenjaraan yang berjalan serentak dari tarikh penentang ditangkap iaitu pada 28 Mei 2007 dan empat sebatan untuk kes pertama.

[70] Atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas maka mahkamah ini berpendapat hukuman yang dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana dalam kes kedua adalah terlalu tidak mencukupi dan juga perintah HMS yang bijaksana

bahawa hukuman penjara dalam kes kedua hendaklah berjalan serentak dengan hukuman penjara dalam kes pertama adalah dengan jelasnya satu kesilapan dari segi undang-undang.

[71] Oleh itu mahkamah ini telah mengenepikan hukuman sepuluh tahun penjara dan dua sebatan yang dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana bagi kes kedua dan menggantikannya dengan hukuman penjara 12 tahun penjara dan tiga sebatan dan juga telah memerintahkan bahawa hukuman penjara untuk kes kedua dalam rayuan ini hendaklah berjalan berturut-turut iaitu selepas penentang telah selesai menjalani hukuman penjara untuk kes pertama dalam rayuan ini.

Rayuan pendakwaan dibenarkan sebahagiannya.

Reported by Kanesh Sundrum